

GARIS PANDUAN PERMOHONAN PENGECUALIAN PEMANDU PELANCONG

1. Permohonan pengecualian pemandu pelancong bas persiaran hanya boleh diluluskan bagi tujuan-tujuan berikut;
 - a. point to point transfer yang tidak melibatkan tempat pelancongan. Contoh: menghantar peserta persidangan, pameran, crew transfer atau, menghantar pelancong ke jeti untuk ke pulau peranginan.
 - b. Upacara keagamaan
 - c. Perkahwinan
 - d. Sukan
 - e. Apa-apa tujuan yang difikirkan layak diluluskan oleh Kementerian seperti kematian.
2. Agensi Pelancongan yang mempunyai bas persiaran **tidak dibenarkan** mengenakan peringkat tambang kepada penumpang sebaliknya telah dimasukkan ke dalam pakej sedia ada.
3. Pengecualian pemandu pelancong **hanya dibenarkan** untuk bas persiaran yang membawa penumpang domestik sahaja.
4. Setiap permohonan mestilah dibuat menggunakan surat rasmi **(letter head)** agensi pelancongan dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:-
 - a. Borang permohonan pengecualian pemandu pelancong
 - b. Salinan asal surat penganjur yang menyewa bas persiaran dengan menyatakan perkara-perkara berikut:-
 - i. 2 salinan jadual perjalanan dan destinasi
 - ii. 2 salinan senarai nama penumpang beserta no kad pengenalan
 - iii. Tempoh perjalanan
 - iv. Jumlah penumpang
 - v. Arahan kepada agensi pelancongan untuk kelulusan bagi pihaknya
 - vi. Surat tersebut mestilah ditandatangani oleh penganjur yang menyewa bas persiaran tersebut.
 - c. Bayaran fi proses sebanyak **RM20.00** bagi setiap bas persiaran dalam bentuk wang pos/draf bank atas nama **Pesuruhjaya Pelancongan**.
 - d. Salinan kontrak perjanjian dengan pihak berkaitan bagi tujuan diatas (jika berkenaan). Contoh: perkhidmatan *transfer*.
 - e. Salinan surat kebenaran keluar daripada Jabatan Pendidikan Negeri (jika melibatkan lawatan sekolah)
5. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan dan diterima oleh Kementerian ini sekurang-kurangnya **tiga (3) hari bekerja** sebelum perjalanan dibuat. Permohonan lewat tidak akan dilayan.
6. Permohonan ini boleh dipohon di semua Pejabat Kementerian Pelancongan Negeri.
7. Kementerian berhak menolak mana-mana permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat di atas.
8. Semua surat kelulusan yang telah dikeluarkan mestilah dikembalikan kepada Kementerian dalam tempoh **10 hari** selepas sesuatu perjalanan.
9. **Surat kelulusan, jadual perjalanan dan senarai nama penumpang** perlu ditunjuk oleh pemandu bas persiaran kepada Pegawai Penguatkuasa Kementerian Pelancongan, Pegawai Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan atau Polis.